



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PENGAWAS TINGKAT II (D.3 EB.4)
OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kermasian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.
- (E) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (F) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENGAWAS TINGKAT II
OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
D.3 EB.4 (\$900 - \$1,465 EB KHAS \$1,505 - \$1,665 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (1)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang teknikal atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengawas pemandu-pemandu kenderaan darat / laut *Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD)*;
2. Mengawasi peralatan-peralatan guna habis di stor logistik dan operasi *OBBD*;
3. Membantu Pembantu Operasi Kanan *OBBD* membuat kerja-kerja pengurusan seksyen logistik dan operasi *OBBD* di Kem Batang Duri, Temburong termasuk mengatur jadual bertugas pemandu-pemandu kenderaan darat / laut, membuat laporan kerosakan kenderaan dan bangunan di Kem *OBBD* Temburong;
4. Membantu Pembantu Operasi Kanan *OBBD* memastikan semua keperluan logistik dan fasiliti tersedia bagi memastikan perjalanan program perkhidmatan *OBBD* berjalan dengan lancar dan selamat;
5. Mengawasi dan memeriksa kerja-kerja pemeliharaan yang dilaksanakan oleh kontraktor; dan
6. Menjalankan tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa termasuk di luar dari waktu bekerja biasa pada bila masa diperlukan.